

Kerakusan pembalakan ancam projek santuari ikan

JERANTUT – Projek santuari ikan di Kampung Pagi yang terletak di Kuala Sungai Bubut, Jerantut, Pahang dikatakan diancam kegagalan ekoran kegiatan pembalakan yang semakin rakus di kawasan hulu Sungai Pahang.

Ketua projeknya, Imran Abdul Ghani berkata, aktiviti berkenaan yang dikatakan menjadi punca air sungai di Ulu Tembeling semakin cetek dan keruh turut dikhuatiri mengganggu ekosistem sekali gus menggagalkan projek berkenaan.

“Sungai Pengau yang mengalir terus ke Sungai Tembeling memang sudah terlalu tercemar dan keruh. Jadi kita pilih pula Sungai Bubut, anak Sungai Pengau untuk jalankan projek ini.

“Rupa-rupanya keadaan Sungai Bubut juga semakin teruk dan keruh akibat kegiatan penerokaan hutan yang semakin rakus,” katanya di sini semalam.

Projek di bawah Komuniti Pengurusan Ekosistem Peri-



KEADAAN sungai Bubut yang keruh akibat aktiviti penerokaan hutan yang tidak terkawal.

kanan Kampung Pagi (KPEPKP) yang akan dimulakan dalam masa terdekat bertujuan untuk membantu ekonomi masyarakat Kampung Pagi di samping menjaga ekosistem



PROJEK santuari ikan berpotensi menjadi tarikan pelancongan. – Gambar hiasan

kawasan berkenaan.

Projek itu turut mendapat sokongan Perbadanan Negeri Pahang dan Jabatan Perikanan untuk dijadikan antara tarikan pelancong.

Imran berkata, sebelum ini KPEPKP pernah menjalankan projek Tagal di Sungai Pengau sebagai projek pemeliharaan ikan sungai tiga tahun lepas namun, gagal berikutan masalah yang sama.

“Peringkat awal sebelum sungai rosak, projek Tagal sangat berjaya. Nampak anak-anak ikan yang dilepaskan membesar tetapi apabila sungai semakin keruh anak-anak ikan tidak dapat hidup dalam habitatnya dan projek itu gagal tanpa dapat melihat hasilnya,” katanya.

Beliau berkata, sekiranya projek santuari ikan di Sungai Bubut itu berjaya, ia akan memberi banyak manfaat terutama kepada nelayan sungai dan penduduk kampung yang akan dapat menjana ekonomi melalui produk pelancongan.

Ia menjadi projek penting dalam usaha pemuliharaan ikan sungai yang semakin pupus terutama di Ulu Tembeling, tam-

bahnya.

“Mesti buat santuari ini untuk memastikan habitat ikan sungai terus ada untuk generasi akan datang,” jelasnya.

Pihak berwajib, kata Imran, perlu mengambil tindakan segera bagi menangani punca kekeruhan di Sungai Tembeling terutama di Kampung Pagi bagi memastikan ekosistem dan habitat sungai terus terpelihara di masa hadapan.

Isu penerokaan hutan yang tidak terkawal di Ulu Tembeling telah mendapat liputan meluas berikutan kesannya kepada sungai di sekitarnya terutama Sungai Tembeling dan Sungai Pahang yang semakin keruh dan cetek.

Selain menjejaskan ekosistem dan alam sekitar, ia turut memberi kesan kepada aktiviti pelancongan dan ekonomi penduduk terutama di sekitar Kuala Tahan dan Ulu Tembeling. – Bernama.